

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Isnin, 22 Mac 2021 10:03 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar B40 Dibantu – Terima Komputer Riba



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 MAC 2021 / 8 SYAABAN 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar oleh: Pejabat TNC (HEPA)

PELAJAR B40 DIBANTU – TERIMA KOMPUTER RIBA



UUM ONLINE: Lima pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) dari kategori B40 telah menerima bantuan komputer riba daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali, baru-baru ini.

Pelajar tersebut, Priyentharsini a/p Ravichandran, How Cai Wei, Nurul Suhana Mohd Zaini, Siti Nazirah Azmi dan Muhammad Azmi Rasid masing-masing dari Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor yang menerima komputer riba itu tidak sangka untuk menerima bantaun komputer riba itu.

Pelajar, Muhammad Azmi ketika dihubungi berkata, dia terkejut apabila dimaklumkan bahawa Dr. Hendrik akan turun padang untuk menyampaikan komputer riba itu di kampung halamannya terletak di Melaka.

Anak ketiga daripada empat beradik itu berkata, dalam kesibukan dan urusan tugas sebagai Timbalan Naib Canselor (HEPA), beliau masih sempat meluangkan masa untuk menyerahkan sendiri komputer riba itu kepadanya dan rakan-rakan lain.

“Saya berterima kasih kepada UUM dan juga Jabatan Hal Ehwal Pelajar kerana prihatin dengan kebajikan pelajar khususnya dari golongan B40 agar kami dapat meneruskan sesi pembelajaran dengan sempurna,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.